



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



3rd Issue

VOLUME 1

JUNE 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inov Dengan UiTM Mukah?

HIGHLIGHTS:

- Program Bicara Ilmu "Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara" UiTM Mukah 2023
- MATH STEP-UP@UiTM Bantu Komuniti Pelajar & Guru Mendalami Ilmu Matematik
- Embracing Cultural Diversity: Virtual Inbound Outbound Mobility Programme Between Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak Mukah Campus & Rajabhat University, Thailand
- Wacana Harmoni Perancangan Strategik Peringkat UiTM Kampus Mukah 2024
- Penjurian Inap Desa di Kampung Tellian, Mukah: Dari Kaca Mata Juri





TABLE OF CONTENT



01.

From Deputy Rector's Desk

02.

From Assistant Rector's Desk

03.

Chief Editor's Note

04.

Editorial Board

05.

Highlights

10.

News and Articles

26.


Creative Writing


29.

Congratulations!

31.

Press and Media Coverage





EDITORIAL

BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Patron

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi

Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyusken Mijen

Webmaster

Mrs. Irene Seluroh

Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat

Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 June 2024

NEWS AND ARTICLES

Bengkel Pemantapan Akademik FIN 358 Investment Management: Tips Menjawab Soalan Peperiksaan Akhir

Penulis: Joycelyne Nyandang

Pada 13 Januari 2024 yang lalu, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Akademik bagi kod kursus FIN358 (*Investment Management*) untuk berkongsi tips menjawab soalan peperiksaan akhir. Seramai 167 orang pelajar Semester 5 dari program Diploma Pengajian Perniagaan (BA111) dan Diploma Pengajian Perbankan (BA119) telah menghadiri bengkel pemantapan akademik ini.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengurangkan peratusan kegagalan peperiksaan akhir bagi kod kursus FIN358 dan membantu para pelajar dengan teknik menjawab soalan peperiksaan akhir melibatkan topik-topik penting seperti bab 4, 5, 6, 7, 10 dan 11. Bengkel ini telah dikendalikan oleh fasilitator yang terdiri daripada tiga orang pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan dan pensyarah bagi kod kursus ini. Sesi bengkel diketuai oleh penceramah dari Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah iaitu Cik Nur Ain binti Abu Bakar. Penceramah ini mempunyai pengalaman mengajar kod FIN358 lebih dari tiga tahun sebelum memfokuskan kepakaran beliau kepada kod utama beliau iaitu perakaunan.



Sesi fotografi bersama Penceramah Jemputan dan Peserta Bengkel Pemantapan Akademik FIN358 (*Investment Management*) yang terdiri daripada pelajar Semester 5 Program BA111 dan BA119



Penceramah jemputan, Cik Nur Ain binti Abu Bakar dari Fakulti Perakaunan yang memberi penerangan topik kepada para pelajar

Bengkel yang berlangsung dari 9 pagi hingga 4.30 petang ini turut melibatkan interaksi secara aktif bersama para pelajar dengan sesi soal jawab pada bila-bila masa sewaktu bengkel sedang berlangsung. Bengkel ini juga telah memberi keyakinan kepada para pelajar untuk lebih bersedia menjawab soalan peperiksaan akhir mereka nanti.

Bengkel ini juga telah banyak memberi informasi dan ilmu kepada pelajar untuk menguasai langkah-langkah pengiraan dan teknik menjawab soalan berbentuk esei untuk mengurangkan kesilapan ketika menjawab soalan peperiksaan akhir.